

Gembleng pembangunan akademik setanding universiti terbaik dunia

IPTA perlu hasil penyelidikan, penerbitan jurnal berkualiti

Oleh Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani

BARU-baru ini, majalah *Times Higher Education (THE)* mengeluarkan senarai 400 universiti terbaik di dunia. Yang membimbangkan ialah tidak ada satu pun universiti Malaysia yang tersenarai di kalangan 400 universiti terbaik. Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menjelaskan bahawa universiti tempatan masih memerlukan masa antara tujuh hingga lapan tahun lagi sebelum layak disenaraikan dalam kedudukan universiti terbaik di dunia. Tambah beliau lagi, kegagalan universiti adalah kerana elemen penyelidikan masih pada peringkat baru dan belum matang. Apabila penyelidikan dilakukan, ia perlulah diterbitkan, khususnya penyelidikan yang memberi impak tinggi selain bajet penyelidikan yang besar diperlukan. Sekiranya tujuh ke lapan tahun untuk mengecapi kematangan pendidikan tinggi negara, langkah ke arah itu haruslah segera dimulakan. Dalam konteks di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), terdapat seramai 25,941 orang tenaga akademik direkod sedang berkhidmat dalam pelbagai jawatan, sama ada Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah dan Tutor. Oleh itu, semuanya harus digembleng untuk bergerak ke arah kecemerlangan pembangunan akademik dan pendidikan tinggi negara supaya setaraf dan setanding dengan universiti terbaik dunia.

Dalam ucapan di Majlis Anugerah Akademik Negara (AAN) pada 10 Oktober 2011 yang lalu, Khaled sedar pentingnya tenaga akademik itu sentiasa mempertingkatkan kualiti dan memak-

simumkan potensi masing-masing melalui usaha berterusan seperti pembangunan akademik atau *academic development* yang terancang dan komprehensif. Beliau membahagikan pembangunan akademik ini kepada tiga matlamat; pembangunan sendiri aka-

demia, pembangunan universiti dan pembangunan bersama antara ahli aka-



Pembangunan bersama antara ahli akademik dan universiti akan merencanakan kecemerlangan pendidikan tinggi melalui pembentukan budaya ilmu di menara gading. Budaya ilmu mestilah berpaksikan kepada kualiti penyelidikan dan penerbitan yang dilakukan oleh ahli akademik



demia dan universiti. Pertama, pembangunan sendiri memerlukan bukan saja ahli akademik yang berijazah Doktor Falsafah (PhD), malah negara harus bersedia mempunyai akademi berkepakaran tinggi dan berautoriti di dalam cabang ilmu. Akademi tempatan banyak mencedok ilmu dan kepakaran asing dengan tanpa mampu melahirkan keaslian idea dan cabang ilmu yang tinggi mutunya. Penguasaan ilmu sedia ada dan penero-kaan ilmu baharu perlu direalisasikan melalui penyelidikan fundamental dan menerbitkan hasil penyelidikan secara berterusan dalam jurnal diiktiraf oleh keserakanan. Keperluan ini amat mendesak, ini kerana banyak ilmu tempatan dikuasai pihak asing. Misalnya kita marah apabila pihak penjajah seperti R.O. Winstedt and Frank Swettenham memberi pengtakrifan negatif kepada sikap dan jati diri bangsa 'Melayu'. Namun selepas lebih setengah abad merdeka, kita masih mengagungkan tokoh asing seperti Anthony Milner, Clive Kessler dan Joel Kahn sebagai pakar mengenai bangsa Melayu melalui kajian yang mereka lakukan. Mana perginya pakar anak tempatan, kenapa tiada pengiktirafan dilakukan?

Pembangunan sendiri ini akan tercapai hanya melalui kesedaran diri untuk menjadi sarjana terbilang dan kebebasan akademik dalam mengekspresikan ilmu. Selain itu, ahli akademik harus bebas daripada diganggu-gugat oleh pengaruh politik yang banyak mengganggu persepsi ahli akademik berkenaan kecemerlangan akademik yang harus diiringi dengan kepatuhan politik. Pembangunan sendiri harus diikuti dengan sikap minda terbuka, kritikal dan analitikal kepada ilmu dan melahirkan cabang ilmu yang menggar dunia seperti melalui pemikiran Frankfurt School, Chicago School, Scottish School dan sebagainya.

Kedua, pembangunan universiti seperti kata Khaled yakni universiti perlu mewujudkan kepercayaan dan kebebasan yang tinggi kepada individu akademik, menyediakan sistem sokongan akademik yang anjal serta mengukuhkan sistem ganjaran dan penganugerahan berasaskan hasilan (output dan

outcome). Dalam masa sama, sistem penilaian dalam semua aspek akademik perlu mempunyai ketelusan yang tinggi dan berwibawa. IPTA harus menyediakan batu asas dan mendokong kecemerlangan akademik, bukannya sebagai penyekat kecemerlangan. Individu akademik yang cemerlang dan bermotivasi tinggi haruslah diperbanyakkan dan diberikan ganjaran yang bersesuaian dan setimpal dengan pencapaian tinggi yang diperoleh mereka. Sebarang penafian dan sekatan yang tidak adil dibimbangi akan menjejaskan motivasi kerja ahli akademik dan merencatkan matlamat pembangunan universiti seperti dihasratkan kerajaan.

Satu perkara terpenting yang harus dilaksanakan oleh IPTA ke arah pembangunan kecemerlangan universiti ialah dengan cara memperjuangkan dan

menegakkan integriti dan etika keintelektualan. Taraf dan tahap kualiti hasil penyelidikan haruslah dipertahankan. Kegagalan mempertahankan integriti dan etika ini akan menjejaskan prestasi dan mengakibatkan tanggapan buruk masyarakat terhadap bidang akademik, ahli akademik dan universiti yang seharusnya menjadi gedung ilmu peringkat tertinggi negara dan rujukan masyarakat.

Akhir sekali, pembangunan bersama antara ahli akademik dan universiti akan merencanakan kecemerlangan pendidikan tinggi melalui pembentukan budaya ilmu di menara gading. Budaya ilmu mestilah berpaksikan kepada kualiti penyelidikan dan penerbitan yang dilakukan oleh ahli akademik. Lebih penting lagi penyelidikan dan penerbitan itu dikongsikan bersama dengan

ahli akademik yang lain, pelajar dan masyarakat melalui kuliah dan wacana yang boleh dianjurkan di mana-mana saja dan dipancarkan melalui media tradisional seperti media cetak dan penyiaran dan media baru seperti Internet melalui Youtube, Facebook dan sebagainya. Budaya wacana ini akan memantapkan budaya akademik lantas membentuk nilai yang menjadi dukungan akademik seperti integriti, kolaborasi dan keserakanan. Jelas sekali budaya ilmu dan akademik ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa pembabitan menyeluruh warga akademik dan universiti tempatan. Pihak berkuasa di universiti seperti Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor mesti menjadikan pembentukan budaya akademik ini sebagai agenda utama di dalam dasar akademik yang

dibentuk sebagai mana pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang telah menjadikannya sebagai satu dasar yang harus ditujui.

Sekarang ialah masa terbaik untuk segera kita gerakkan bagi mencapai tiga matlamat tadi. Strategi dan perancangan teliti akan menjayakan dan merealisasikan matlamat-matlamat berkenaan. Bak kata Ibn Khaldun, sarjana ulung Islam, yang menghendaki supaya ahli ilmu itu mencapai kemahiran yang memuncak dalam bidang ilmunya. Itulah yang harus dikecapi oleh sekalian ahli akademik tempatan di negara ini demi nusa dan bangsa.

Penulis ialah Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia

5-10-11

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 18/10/11
Hari: SELASA M/S: 24/25
Ruangan: BENLARA

UUM/BA6/BH/18.10.2011/P: 24 (1-7)